

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
PARLIMEN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

TARIKH : 4 APRIL 2018

RUJUKAN : 10726

SOALAN:

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah kebarangkalian dan bagaimana Kementerian akan mendapatkan negara kita dimasukkan ke dalam program pengecualian visa Amerika Syarikat sedangkan perbincangan ini telah dalam proses rundingan sejak beberapa tahun lalu.

85

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Antara syarat yang dikenakan merupakan di luar kawalan pihak Kerajaan. Terdapat juga syarat-syarat tambahan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat pada tahun 2016 kepada negara-negara yang ingin menyertai Program Pengecualian Visa ke Amerika Syarikat atau *United States Visa Waiver Program (USVWP)*.

Sehingga kini, syarat bagi Kadar Penolakan Visa di bawah 3% masih belum tercapai. Untuk makluman, Kadar Penolakan Visa pada tahun 2017 adalah 3.93%.

Syarat ini adalah diluar kawalan pihak Kerajaan kerana ia bergantung kepada individu yang memohon visa dan budi bicara Pegawai Konsular Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur. Maka, untuk mencapai Kadar Penolakan Visa dibawah 3% adalah satu cabaran kepada Kerajaan.

Kementerian Dalam Negeri telah mengambil langkah proaktif sejak bermulanya pelaksanaan syarat-syarat USVWP pada tahun 2015. Antaranya adalah dengan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dalam mengadakan sesi *engagement*, *outreach* dan program kesedaran mengenai tatacara permohonan visa yang betul. Program-program ini diharap akan memberi kesan kepada warganegara dalam

meningkatkan pemahaman terhadap prosedur permohonan visa Amerika Syarikat dan mengurangkan Kadar Penolakan Visa.

Kerajaan akan melaksanakan Sistem Kawalan Imigresen Nasional (SKIN) yang mampu untuk menyaring kemasukan pelawat.

Modul *Risk Assessment Engine* (RAE) di bawah SKIN membolehkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melaksanakan *big data analysis* bagi tujuan risikan, *profiling*, *tracking* dan pengurusan risiko selaras dengan keperluan syarat-syarat di bawah USVWP.

Oleh demikian, kebarangkalian Malaysia dapat menyertai Program VWP ini adalah dilihat sebagai ke arah positif dengan adanya sokongan daripada Amerika Syarikat dalam membantu Kementerian ini bagi memastikan pelaksanaan adalah mengikut piawaian negara hos.

Kementerian telah menerima bantuan dan khidmat nasihat daripada pihak Amerika Syarikat dari semasa ke semasa bagi memantau perkembangan pelaksanaan USVWP di Malaysia. Lawatan terkini yang telah diadakan adalah pada 6 – 8 Februari 2018.

Pihak Amerika Syarikat menetapkan bahawa hanya setelah Malaysia memenuhi kesemua syarat-syarat yang telah ditetapkan, barulah sebuah tim audit akan dihantar untuk menilai dan menentukan sama ada Malaysia layak menyertai *Visa Waiver Program*.

87

Amerika Syarikat telah memberikan kerjasama dan bantuan yang berkekalan. Sokongan dan kesungguhan berterusan yang dipamerkan oleh agensi-agensi Malaysia seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JIM juga menunjukkan Kerajaan mempunyai harapan cerah untuk memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya diterima baik bersama negara-negara yang mendapat Pengecualian Visa ke Amerika Syarikat.